

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ
[TANAH MERAH]**

TARIKH : 15.7.2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 82

minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL
PENGGUNA** menyatakan apakah tindakan terbaru Kementerian dalam
memastikan harga barang tidak terus meningkat sehingga membebankan
rakyat.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian ini sentiasa menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan peniaga tidak mengambil keuntungan secara berlebihan dan membekalkan barangan dengan harga yang berpatutan kepada pengguna. Kerjasama strategik dengan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dan agensi-agensi berkaitan akan diperkukuh dan dilaksanakan secara bersepadu.

Sejak pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) yang bermula pada 1 September 2018, Kementerian ini sentiasa menjalankan pemantauan berkala di seluruh negara melalui Pegawai Penguatkuasa dan Pegawai Pemantau Harga bagi memastikan harga barangan di pasaran adalah berpatutan melalui pelaksanaan Operasi Catut 5.0.

Sepanjang tempoh pelaksanaan Operasi Catut 5.0, sebanyak 117,433 premis telah diperiksa yang terdiri daripada peniaga di kawasan bandar dan luar bandar. Selain itu, sebagai langkah proaktif, pemantauan harga barang juga turut dilakukan secara konsisten oleh Pegawai Pemantau Harga ke atas pasaraya besar, pasaraya, pasar basah, pasar mini, kedai serbaneka 24 jam, kedai runcit dan premis makanan siap masak di seluruh negara. Hasil pemantauan ini akan digunakan sebagai laporan trend harga barang dan tindakan penguatkuasaan sekiranya berlaku kenaikan harga.

Bagi tahun 2018 hingga 2019, sebanyak 102 kertas siasatan telah dibuka bagi kesalahan berkaitan pencatutan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 iaitu 82 kertas siasatan di bawah Seksyen 14(1) kerana mencatut, 13 kertas siasatan di bawah Seksyen 21(5) kerana enggan atau gagal memberi maklum balas kepada notis yang dikeluarkan dan 7 kertas siasatan di bawah Seksyen 53A kerana tidak menyimpan rekod perniagaan.

Sekian, terima kasih.